



MOD.100-2/1/2 Jld 7 (59) 01/10

**TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN MENYEMPURNAKAN  
MAJLIS PEMBUKAAN SIBER SIAGA SEMENA PAMERAN CYBERDSA 2025**

1. **KUALA LUMPUR, 1 OKTOBER 2025** – Timbalan Menteri Pertahanan, YB Adly bin Zahari telah menyempurnakan Majlis Perasmian Pembukaan Siber Siaga sempena Pameran *Cyber Digital Services, Defence and Security Asia Exhibition and Conference* (CyberDSA) 2025 di *Malaysia International Trade and Exhibition Centre* (MITEC), hari ini.
2. Program Siber Siaga merupakan satu inisiatif keselamatan siber Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di bawah Bahagian Siber dan Elektromagnetik Pertahanan (BSEP), dengan kerjasama pelbagai agensi strategik seperti Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA), CyberSecurity Malaysia dan institusi pengajian tinggi (IPT) termasuk Universiti Pertahanan Malaysia (UPNM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM). Program yang dilaksanakan ini adalah sebahagian daripada usaha menyeluruh dalam membina ketahanan siber negara serta meningkatkan kesedaran dalam kalangan Masyarakat awam dan warga pertahanan.
3. Penyertaan BSEP dalam Pameran CyberDSA adalah kali ke-4 dan melibatkan 50 ahli jawatankuasa di bawah BSEP. Tema program pada tahun ini ialah "*Battle Beyond Borders*" menggambarkan keselamatan siber sebagai konflik penentu (decisive battle) pada era digital masa kini. Ia menekankan bahawa ancaman siber kini merentasi sempadan geografi negara, politik atau organisasi, di mana ancaman boleh muncul dari pelbagai sudut di dunia tanpa mengira masa. Penganjuran Siber Siaga 2025 ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran bahawa ancaman siber adalah cabaran bersama yang menuntut kerjasama rentas sempadan serta pengukuhan daya tahan digital di kalangan masyarakat, organisasi serta agensi kerajaan bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan digital negara terus terpelihara.
4. Pelbagai acara yang dilaksanakan dalam Program Siber Siaga termasuklah forum dan seminar keselamatan siber bersama pakar tempatan dan antarabangsa, pameran teknologi siber & drone melibatkan agensi kerajaan dan syarikat. Pertandingan Godaman Capture The Flag (CTF), latihan dan praktikal mengenai keselamatan siber secara percuma oleh komuniti keselamatan siber Malaysia dan ASEAN.

5. Bersempena Program Siber Siaga 2025, satu pertandingan Sukan Elektronik Generasi Angkatan Masa Hadapan (ESPORT GEN-ATM) akan diadakan bermula 1 hingga 2 Oktober 2025. Pertandingan ini adalah idea dan inisiatif daripada Timbalan Menteri Pertahanan, YB Adly Zahari sendiri sebagai sokongan Pelan Strategik Kementerian Pertahanan bagi memperkasakan kerjasama awam-tentera (CIMIC) dan kolaborasi baik bersama agensi swasta.
6. Turut hadir ke Majlis Perasmian Pembukaan Siber Siaga adalah Panglima Tentera Darat mewakili Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Muhammad Hafizuddeain bin Jantan; Panglima Tentera Udara, Jeneral Dato' Sri Haji Muhamad Norazlan bin Aris TUDM; Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pertahanan, Datin Roszanina binti Wahab; Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Dato' Pahlawan Ts. Shamsuddin bin Hj Ludin; Ketua Staf Markas Angkatan Tentera Malaysia, Leftenan Jeneral Dato' Azhan bin Hj Othman; Ketua Pengarah BSEP, Laksamana Muda Fadhil bin Abdul Rahman; Pengerusi Aerosea Exhibitions Sdn Bhd, Tan Sri Asmat Kamaludin dan Ketua Pegawai Eksekutif Cybersecurity Malaysia, Dato' Ts. Dr. Haji Amirudin bin Abdul Wahab.

**- TAMAT -**

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

---

**Kementerian Pertahanan Malaysia**

**1 Oktober 2025**